

**Ukraine Berusaha Sepanjang Masa Berhubung Kes Pesawat MH17 - Menteri Luar  
Ukraine  
Bernama  
July 18, 2014**

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Ukraine sedang berusaha gigih tanpa henti dalam kes pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH17 yang ditembak jatuh di wilayah Donetsk, berdekatan sempadan Rusia, kata Menteri Luarnya Pavlo Klimkin hari ini. Menurut laman portal kerajaan Ukraine, <http://www.kmu.gov.ua>, Klimkin berkata demikian semasa memberi taklimat di Rumah Kerajaan, Khamis. "Kumpulan pakar dalam siasatan kes ini berusaha tanpa henti. Kementerian Luar akan turut bekerjasama rapat dengan Kementerian Kecemasan. "Kami telah membuka talian khas di Kementerian Luar bagi sesiapa yang ingin mendapatkan maklumat lanjut berhubung tragedi ini," katanya. Klimkin juga merakam ucapan takziah kepada saudara mara dan rakan semua penumpang dan anak kapal yang berada dalam pesawat itu. "Kami semua sememangnya mengalami satu peristiwa yang sangat tragis. Ia merupakan kes ketiga dalam beberapa hari lepas selepas dua pesawat Ukraine - Antonov-26 dan SU-25 ditembak jatuh dari wilayah Rusia," katanya. Menteri Luar itu juga berkata Perdana Menteri Ukraine, Arseniy Yatsenyuk telah mengarahkan penubuhan sebuah suruhanjaya khas kerajaan bagi menyasat keadaan yang mendorong kepada tragedi itu. Pesawat, yang membawa 280 penumpang dan 15 anak kapal itu, berlepas dari Amsterdam pada pukul 12.15 tengah waktu tempatan semalam dan dijangka tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada pukul 6.10 pagi ini. Kesemua penumpang dan anak kapal dipercayai terkorban. Pesawat itu dilaporkan ditembak jatuh dengan peluru berpandu di Donetsk, wilayah timur Ukraine, kira-kira 40km dari sempadan Rusia.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1054456>